



# SIARAN MEDIA

## PROGRAM KESEDARAN SISTEM AMARAN AWAL BENCANA GEOLOGI ALIRAN PUING BERSAMA KOMUNITI JERAI GEOPARK

KeTSA mengambil langkah proaktif melalui inisiatif mewujudkan Projek Perintis Pembangunan Sistem Amaran Awal Bencana Geologi Aliran (Early Warning System – EWS) berikutan tragedi bencana geologi aliran puing pada 18 Ogos 2021 yang lalu. Ia telah dibangunkan melalui Kerjasama Pintar antara JMG dan UTM serta akan diintegrasikan dengan Sistem Amaran Awam (*public warning system*) oleh Angkatan Pertahanan Awam Malaysia (APM).

Sebagai usaha memartabatkan Keluarga Malaysia yang prihatin, hari ini saya sendiri turun padang bagi melihat kesiapsiagaan Program Kesedaran Sistem Amaran Awal Bencana Geologi Aliran Puing Bersama Komuniti Jerai Geopark di Titi Hayun, Kedah. Ia dianjurkan oleh Jabatan Mineral dan Geosains Malaysia (JMG) di bawah Kementerian Tenaga dan Sumber Asli (KeTSA).

KeTSA telah mengenalpasti dan menghargai peranan wira-wira tidak didendang ketika tragedi pada 18 Ogos 2021 lalu dan hari ini telah melantik 35 orang Jaguh Tempatan (Local Champion) yang telah menyumbang pengetahuan setempat bagi melahirkan masyarakat yang berdaya tahan terhadap ancaman bencana. Mereka yang terpilih terdiri daripada kaum wanita, belia, pemimpin masyarakat.

Prihatin dalam isu bencana alam seiring dengan perubahan iklim terutama membabitkan bencana geologi aliran puing dan tanah runtuh, KeTSA dan JMG akan terus menjalankan kajian dan program berimpak tinggi di lokasi berisiko yang telah dikenalpasti termasuk melaksanakan program pemerksaan daya tahan komuniti dalam usaha mengurangkan risiko bencana geologi.

Projek Perintis ini boleh dijadikan penanda aras dan model nasional dalam pengurangan risiko bencana geologi aliran puing (MODEL-DRR-YAN) serta amalan terbaik dalam pembangunan sistem amaran awal bencana geologi melalui penglibatan orang tempatan berpandukan kepada teknologi sains terkini. Projek Perintis ini juga bakal dijadikan pusat pembelajaran komprehensif bagi bencana geologi aliran puing dan kajian pembangunan komuniti Jerai yang lebih berdaya tahan ke arah menyokong konsep *Build-Back-Better*, seperti mana saranan pihak *United Nations Office for Disaster Risk Reduction (UNDRR)*.

Ia bukti komitmen Kerajaan Malaysia terhadap agenda global dalam pengurangan risiko bencana melalui UNDRR Sendai Framework for Disaster Risk Reduction 2015-2030 dan menjadi aspirasi nasional dalam konteks Keluarga Malaysia bagi mempertingkatkan kesiapsiagaan dan mengukuhkan daya tahan setempat.

Program ini turut dihadiri oleh YB Dato' Paduka Ammar bin Dato' Shaikh Mahmood Naim, Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah, Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri Kedah, Ketua Pengarah JMG, YBrs. Tuan Haji Hisamuddin bin Termidi, YBrs. Dr. Khamarrul Azahari bin Razak, Pengarah Disaster Preparedness & Prevention Center (DPPC), Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT), UTM Kuala Lumpur, ketua-ketua agensi Kerajaan Negeri dan Persekutuan, ketua komuniti dan ahli-ahli Komuniti Jerai Geopark.

**YB DATUK SERI TAKIYUDDIN BIN HASSAN  
MENTERI TENAGA DAN SUMBER ASLI**

**26 JUN 2022**